

Untuk jayakan wawasan ke arah sebuah negara maju

Majlis Perdagangan Malaysia dilancarkan

UM 1 - MAR 1991

KUALA LUMPUR 28 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Majlis Perdagangan Malaysia (MPM) dengan harapan semua pihak bersama - sama menggembelngkan tenaga untuk menjayakan wawasan menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Perdana Menteri juga mahu kan majlis itu di jadikan satu forum yang produktif dan berterus - terang untuk membantu perkara - perkara yang bersangkutan dengan kepentingan negara.

Menurut beliau, matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang setanding dengan negara - negara Eropah dan Amerika Utara bukan angan - angan kosong, ia adalah wawasan yang boleh dicapai asalkan semua pihak bekerjasama.

"Matlamat itu mungkin tidak tercapai esok, tahun depan mahupun pada penghujung kurun, tetapi kita tidak seharusnya berasa kecewa.

"Setiap sesuatu mesti ada permulaannya. Kita sudahpun melangkaui langkah pertama. Sekarang kita mesti teruskan dengan langkah yang lebih cepat lagi," tambahnya semasa berucap di majlis pelancaran majlis di sini pagi ini.

MPM yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri itu mempunyai 63 ahli yang terdiri daripada lapan orang menteri, wakil - wakil sektor awam dan swasta.

Antara yang turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Pengerusi MPM, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, Menteri Kewangan, Dato' Paduka Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, Dato' Sri Rafidah Aziz dan Menteri Pendidikan Dato' Sri Anwar Ibrahim.

Menurutnya bagi mencapai wawasan ini, semua pihak sama ada kerajaan, sektor swasta, para pekerja, pihak pengurusan dan semua institusi harus memahami matlamat ini dan jalan menuju ke arahnya.

"Aspirasi kebangsaan mesti dikongsi bersama di setiap peringkat. Ini bukanlah angan - angan besar yang kita cita-citakan. Ia adalah satu wawasan yang boleh dicapai asalkan kita semua bekerjasama," ujarnya.

Sehubungan dengan itu Perdana Menteri mahu majlis ini menjadi satu forum yang berkesan bagi membentuk satu hubungan yang jujur, produktif dan bebas antara sektor swasta dan kerajaan.

"Tidak akan berlaku penelitian atau perbincangan yang mendalam jika kita tidak berterus - terang.

"Kita tidak akan dapat mengatasi sebarang salah faham dan rintangan ke arah tercapainya kerjasama yang produktif jikalau kita gagal memberi fikiran yang jelas dan terang," katanya semasa berucap melancarkan majlis tersebut.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, pilihan dan strate

gi yang praktikal akan hanya timbul jika semua pihak dapat bertukar maklumat dan fikiran dengan bebas dan jelas.

"Oleh itu saya harap setiap anggota majlis akan berhujah dan mendengar secara serius dengan hati dan fikiran terbuka," tambahnya.

Sehubungan dengan itu beliau mahu semua anggota MDM memberi keutamaan kepada mesyuarat - mesyuarat majlis ini.

Menurutnya lagi, penubuhan majlis ini adalah satu langkah penting bagi merapatkan sektor swasta dan sektor awam pada peringkat yang paling tinggi bagi membincangkan perkara - perkara mengenai kepentingan negara.

Dato' Sri Dr. Mahathir bagaimanapun mengingatkan bahawa kerjasama antara sektor swasta dan awam hanyalah untuk perkara - perkara produktif sahaja.

"Hubungan yang akan menghasilkan akibat sosial yang negatif dan menggagalkan pencapaian nilai - nilai dan aspirasi kebangsaan mesti ditentang," tegasnya.

Menurutnya, dalam banyak bidang hubungan sektor swasta dan awam tidak boleh terlalu rapat kerana apa yang baik bagi sektor swasta tidak semestinya baik untuk rakyat.

"Oleh itu majlis ini adalah salah satu mekanisme yang bertujuan untuk terus menyumbang ke arah hubungan baik di antara kedua-dua sektor," jelasnya.

Perdana Menteri berharap dengan adanya majlis ini konsep persyarikatan Malaysia dapat dijayakan sepenuhnya.

Anggota Majlis Perdagangan Malaysia.

Pengerusi — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Pengerusi — Encik Abdul Ghafar Baba.

Naib Pengerusi — Dato' Sri Rafidah Aziz, Dato' Paduka Daim Zainuddin, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Tan Sri Jaffar Hussein, Tan Sri Zainal Abidin Sulong, Tan Sri Azman Hashim, Tan Sri Basir Ismail, Tan Sri Geh Ik Cheong, Tan Sri R. Navaratnam.

Anggota - anggota lain terdiri daripada 12 orang ahli majlis dari pihak kerajaan dan 40 orang dari sektor swasta.

Antara yang menjadi ahli majlis bagi pihak kerajaan ialah Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik, Dato' Sri Samy Vellu, Dato' Sri Lim Keng Yaik, Dato' Sri Dr. Sulaiman Daud, Datuk Sri Sanusi Junid dan Dato' Sri Anwar Ibrahim.

Objektif penubuhan Majlis Perdagangan Malaysia ialah:

- Untuk memudahkan pengaliran maklumat dan idea - idea antara sektor swasta dan awam.
- Untuk menyelesaikan masalah - masalah berkaitan dengan kemajuan industri dan perdagangan dan untuk mengatasi halangan - halangan terhadap pertumbuhan ekonomi.
- Untuk mewujudkan persefahaman yang lebih baik bagi menguatkan hubungan di antara sektor awam dan swasta.
- Untuk mengesan dan mempertingkatkan bidang - bidang kerjasama dan pakatan di antara sektor awam dan swasta.